

Ruang meletus lagi, amaran paras tertinggi

Jakarta: Gunung berapi Ruang Indonesia di luar pulau Sulawesi meletus lagi semalam, memuntahkan abu dan lava, selepas letusan awal bulan ini menyebabkan ratusan pemindahan dan penutupan lapangan terbang.

Pusat Vulkanologi dan Tebanan Bahaya Geologi (PVMBG) negara itu menaikkan tahap amaran kepada paras tertinggi berikutan letusan pagi, mengge-

sa penduduk supaya tidak mendekati gunung berapi itu, menu rut laman webnya.

Pulau Ruang di wilayah Sulawesi Utara menempatkan lebih 800 penduduk, kebanyakannya sudah dipindahkan berikutan letusan awal bulan ini. Tidak jelas berapa ramai lagi yang dipindahkan semalam.

Agensi mitigasi bencana negara itu tidak segera bertindak balas terhadap permintaan un-

tuk komen.

Rakaman di media sosial semalam, ini, yang tidak dapat disahkan dengan segera oleh REUTERS, menunjukkan lava mengalir menuruni gunung berapi, yang terletak kira-kira 100 km (62 batu) dari ibu kota wilayah Manado.

Pihak berkuasa pengangkutan menutup sementara lapangan terbang Manado selepas letusan awal bulan ini, mana-

kala batu dan abu yang berjatuhan merosakkan rumah dan memaksa hospital berdekatan dipindahkan.

Pihak berkuasa menurunkan tahap status ke tahap 3 minggu lalu, sebelum menaikkannya semula ke tahap 4 pada Selasa.

Indonesia melintasi apa yang dipanggil 'Lingkar Api Pasifik,' kawasan aktiviti seismik tinggi di mana beberapa plat tektonik bertemu.

REUTERS

Gunung berapi Ruang mengeluarkan abu menyebabkan beratus penduduk dipindahkan.
(Foto AFP)

